

# UMS fokus dalam bidang akuakultur

►Pastikan industri akuakultur bantu tingkat ekonomi negara

**KOTA KINABALU:** Universiti Malaysia Sabah (UMS) menginginkan industri akuakultur di negeri ini setanding dengan negara maju melalui peranan, aktiviti dan usaha yang dilakukan Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB).

“Kita sedang bekerja keras untuk memastikan industri akuakultur di negeri ini memberi pulangan serta membantu meningkatkan ekonomi negeri dan Malaysia melalui projek penyelidikan akuakultur yang sedang dijalankan,” kata Pengarah IPMB Prof Dr Rossita Shapawi.

Beliau berkata projek penyelidikan yang dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Khusus berjumlah RM5 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)



**ROSSITA( kiri) menunjukkan spesies timun laut kepada pemberita di Pusat Penternakan UMS.**

itu membabitkan tujuh komponen dan tujuh kumpulan pelajar daripada fakulti berkaitan.

Tujuh komponen itu ialah penyelidikan kerapu hibrid, proses penetapan kualiti benih, pembersihan

timun laut, penyelidikan kupang, kemahiran akuakultur bersepadu, keberkesanan akuakultur terhadap kelestarian alam sekitar, serta pandangan dan adaptasi penduduk pesisir pantai mengenai teknologi

“Kita sedang bekerja keras untuk memastikan industri akuakultur di negeri ini memberi pulangan serta membantu meningkatkan ekonomi negeri dan Malaysia melalui projek penyelidikan akuakultur yang sedang dijalankan.”


**PROF DR ROSSITA SHAPAWI**  
Pengarah IPMB



**SHAHRIK ketika merasmikan Bengkel NRGs di UMS.**



**BERGAMBAR kenangan bersama para penyelidik daripada tujuh fakulti.**



**TIMUN laut antara kajian yang dilakukan di UMS.**

akuakultur.

“Penyelidikan bidang akuakultur yang bermula pada 2014 itu telah memasuki tahun keempat dan dijangka siap pada penghujung tahun depan,” katanya selepas menghadiri Bengkel mengenai Spesies Nilai Tinggi Akuakultur Ekologi, di sini pada Jumaat.

Rossita berkata, pihaknya bertanggungjawab menghasilkan satu laporan penuh untuk dihantar kepada KPT, selain berkongsi hasil penyelidikan melalui seminar kepada masyarakat

setempat.

“Selain menerbitkan jurnal akademik berkaitan akuakultur, kami turut mengadakan perbincangan bersama kerajaan negeri mengenai hasil kajian yang telah dilakukan,” katanya.

Menurutnya, dalam pasang surut industri akuakultur itu dan kehairahan menghasilkan pelbagai jenis ikan, mereka juga sangat mengambil berat tentang impak industri terhadap alam sekitar.

“Kita akan melakukannya secara bertanggungjawab



**PAPAN tanda yang menunjukkan kerjasama antara UMS dan Kindai Aquaculture Development Centre.**

supaya 50 tahun akan datang kita masih dapat menikmati sumber yang sama dan secara keseluruhannya kita menuruti semua disiplin yang perlu.

“Jabatan Perikanan sangat banyak membantu dari segi fasiliti sebab bila kita menghasilkan sesuatu di makmal, kita juga perlu cuba melakukannya di persekitaran yang benar untuk mendapatkan keputusan yang tepat,” katanya.

Dalam pada itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof Dr Shahril Yusof berkata UMS menyatakan bahawa bidang tujuhan yang akan dikuasai oleh universiti itu adalah bidang akuakultur kerana kesesuaiannya di Sabah yang terkenal dengan hasil laut marin.

“Tujuannya adalah untuk fokus dalam bidang akuakultur dari segi pembibitan dan makanan anak-anak ikan manakala secara koronsif dari segi kesan kepada masyarakat, industri dan sebagainya,” katanya.

Tambahnya, bantuan geran daripada KPT itu dapat melonjakkan lagi bidang akuakultur di mana UMS adalah yang terkuat dalam bidang itu.

“Jadi selain pengeluaran

anak-anak ikan, makanan ikan juga perlu dicipta untuk memantau industri penternakan, jika tidak kita terpaksa import makanan dan ia akan mengekang proses untuk menguasai pasaran,” katanya.

Menurut Shahril, UMS juga menubuhkan Rakan Akuakultur yang akan mendekati komuniti setempat untuk memberi latihan tentang bagaimana menjaga pembibitan dan sebagainya.

“Kita tidak mahu lihat kajian yang dibuat berakhir dengan hasil master atau Phd tetapi kita hendak lihat sumbangannya kepada masyarakat khususnya di Sabah.

“Ini penting kerana kita ingin lihat akuakultur ini dapat menstabilkan produksi ikan di dalam negeri dan juga untuk eksport,” ujarnya.

Jelasnya lagi, UMS akan menghantar 30 pelajar ke Kindai Aquaculture Development Centre di Jepun untuk menjalani latihan selama 10 minggu.

UMS dan Kindai Aquaculture Development Centre mempunyai hubungan yang baik dan telah menjalin kerjasama dalam bidang akuakultur semenjak 15 tahun yang lepas.



**PARA pemberita ketika melawat Pusat Penternakan Kerapu Hybrid.**